



SIMBOLIK: Shahrul (tengah) bersama Lai (kanan), Dr Suzalinna (kiri) serta yang lain memotong reben pada perasmian program derma darah tersebut.

UPMKB meraikan para penderma darah

BINTULU: Program Kesihatan Putra @ Hari Penderma Darah Sedunia 2024 Meraikan Pemberian 20 Tahun, Terima Kasih Penderma Darah telah diadakan di Dewan Sri Kenyalang, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) baru-baru ini.

Program itu telah dirasmikan Pengarah Kampus UPMKB Prof Dr Shahrul Razid Sarbini, Pengarah Hospital Bintulu Dr Suzalinna Sulaiman, Pengerusi Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) Cabang Bintulu Lai Chee Hua dan wakil syarikat OM Materials Sarawak Sdn Bhd.

Program itu turut bekerjasama dengan Jabatan

Perubatan Transfusi dan Tabung Darah Hospital Bintulu dengan Sekretariat Sukan dan Rekreasi Majlis Perwakilan Kolej Sri Rajang Sesi 2023/2024 dan Pusat Kesihatan UPMKB yang bertemakan 'Kekayaan Terbesar adalah Kesihatan.'

Jurucakap penganjur berkata, program ini untuk memberi motivasi kepada masyarakat supaya berani menyahut cabaran untuk menjadi penderma darah baharu dan juga menggalakkan masyarakat sihat menderma darah secara tetap.

"Ini bagi memberi transformasi terhadap kualiti hidup pesakit yang ber-

gantung sepenuhnya kepada rawatan transfusi atau pindahan darah," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, program tersebut juga bagi menyahut seruan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang menyasarkan golongan muda berumur 17 hingga 24 tahun sebagai pelapis penderma darah.

Katanya, antara usaha itu ialah dengan menjalinkan kerjasama erat bersama institusi-institusi pendidikan bagi mendekati golongan muda seterusnya memberi kesedaran tentang kepentingan pendermaan darah kepada anak-anak muda.